

Berita Harian : 30 Jun 2016

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

PERKASA PENDIDIKAN AL – QURAN MENERUSI PEMBELAJARAN SISTEMATIK

Al-Quran yang menjadi panduan dan pedoman kepada umat Islam diseluruh dunia diturunkan pada bulan Ramadhan.

Turunnya al-Quran merupakan rahmat dan mukjizat yang sebesar-besarnya kepada umat manusia. Setiap ayat-ayat al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang paling mulia. Umat Islam perlu mempelajarinya secara teratur dan berperingkat dari segi tajwid, taranum, nahu, sorof, balaghoh, fasahah, aspek mantik (logik) serta hukum hakam didalamnya.

Kepimpinan negara perlu memberi perhatian bagi merancang dan melaksanakan secara berperingkat yang berteraskan memperkasakan pendidikan al-Quran kepada rakyat.

Justeru, perlu disediakan silibus pembelajaran yang sistematik dan sumbangan yang diperlukan. Program motivasi dan membudayakan bagi menggalakkan pembelajaran al-Quran sepanjang hayat oleh setiap individu dan keluarga perlu diberi tumpuan.

Hasil kutipan zakat boleh digunakan sebagai sumber kewangan bagi membiayai program ini.

Galak pembelajaran sepanjang hayat

Penting, strategi dan pencapaian pemahaman al-Quran dipantau dari aspek penunjuk aras yang ditetapkan setiap tahun.

Sekiranya tidak tercapai, maka perlu ada penambahbaikan agar usaha untuk membudayakan dan menggalakkan pembelajaran al-Quran sepanjang hayat bukan sahaja di bulan Ramadhan, tetapi juga dibulan lain dicapai.

Ramadhan yang penuh barakah sentiasa dinantikan oleh setiap umat Islam yang beriman. Suasana Ramadhan dihidupkan dengan pelbagai aktiviti ibadah. Di masjid dan surau, setiap malam selepas solat Tarawih atau selepas subuh al-Quran dibaca secara berkumpulan atau bertadarus.

Secara tidak langsung, al-Quran dapat menyatukan umat Islam dalam kelompok kecil. Ia menjadi asas kepada penyatuan yang lebih besar.

Maka, Ramadhan telah menyediakan asas untuk kita bersatu. Seterusnya, dapat memastikan tujuan utama ummah seperti pada Maqasid Syariah dalam penjagaan akal, agama, nyawa, keturunan dan harta dapat dipertahankan sepanjang masa demi kesejahteraan bersama.

Kehidupan ummah ikut syariat

Ia juga memastikan kehidupan ummah secara kolektif dari aspek aqidah ummah, agama, masyarakat, politik, ekonomi dijaga sebaiknya mengikut syariat.

Penjagaan individu dan kumpulan adalah penting bagi kesatuan ummah. Dalam sabda Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, maksudnya “*Jemaah itu membawa rahmat dan perpecahan itu membawa azab*”.

Kesatuan ummah yang tidak memperkasakan al-Quran dan Hadis tidak memberi makna kepada ummah. Tanpa kesatuan ummah, al-Quran tidak dapat diperkasakan dan tanpa al-Quran, kesatuan ummah tidak bermakna dan sia-sia.

Justeru, semua profesional dan usahawan harus bersama mempelajari dan membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian.